

Najib puji peranan Taib bangunkan Sarawak
The Rakyat Post
22 Oct 2014

KUCHING, 22 Oktober: Sarawak telah berkembang pesat dan mengalami transformasi daripada antara negeri paling miskin menjadi negeri paling makmur di negara ini, di bawah kepimpinan Tun Abdul Taib Mahmud.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, percaya Sarawak moden hari ini adalah hasil sumbangan besar Taib, bukan sahaja dalam usaha mencapai matlamat kemajuan ekonomi, tetapi juga memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat negeri ini, sepanjang tempoh beliau menyandang jawatan Ketua Menteri.

Jabatan Penerangan Sarawak dalam satu kenyataan pada Rabu, memetik Najib berkata demikian dalam perutusannya untuk buku bergambar bertajuk 'Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib-The Visionary Builder of Modern Sarawak', yang dilancarkan bulan lalu.

Perdana Menteri berkata, Taib yang kini Yang Dipertua Negeri Sarawak, memainkan peranan penting dalam menyatukan Sarawak yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan agama, disebabkan keyakinan beliau bahawa satu-satunya cara untuk negeri itu mencapai kemajuan adalah melalui kerjasama di kalangan rakyat pelbagai etnik.

Najib juga berkata, semua pihak dapat melihat konsep 1Malaysia yang diamalkan di Sarawak dan bagaimana negara secara keseluruhannya boleh mencontohi kejayaan konsep itu di negeri ini.

Beliau berkata, sebagai Ketua Menteri, Taib dapat meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan rakyat secara mendadak, dengan menyediakan pelbagai peluang dalam pendidikan, menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan mewujudkan suasana teguh bagi perniagaan berkembang maju.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan kemajuan pesat yang dicapai Sarawak sejak 33 tahun lalu, gelaran 'Bapa Berwawasan Sarawak Moden' sesuai untuk bekas ketua menteri itu.

Taib menjadi Ketua Menteri Sarawak selama 33 tahun, sebelum menyerahkan kepimpinan negeri kepada Tan Sri Adenan Satem pada Februari lalu.

Menurut kenyataan itu lagi, buku setebal 408 muka surat yang dilancarkan sempena sambutan hari jadi ke-78 Taib di Pusat Konvensyen Borneo, Kuching bulan lalu, memuatkan kronologi pendidikan beliau daripada zaman kanak-kanak hinggalah beliau dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri.

Buku itu mengandungi 630 keping gambar dan berfungsi untuk memberi penghargaan kepada Taib atas semua sumbangannya dalam membangunkan Sarawak moden.

Buku itu yang disusun dan disunting sekumpulan penulis terdiri daripada pendidik, penyunting dan wartawan, turut memuatkan impak masa depan hasil sumbangannya

dalam konteks meletakkan asas untuk memastikan kemajuan dan kemakmuran Sarawak secara berterusan.

Source <http://bm.therakyatpost.com/berita/2014/10/22/najib-puji-peranan-taib-bangunkan-sarawak/>